

PENGERTIAN SENI DALAM ISLAM

[*Sedutan Dari Sebuah Thesis Yang Dikemukakan Untuk Penilaian
Diploma in Art and Design dari Instituti Teknologi Mara – oleh Mohd. Isa Abdullah*]

TINJAUAN PENDAPAT-PENDAPAT

Dalam edaran masa dan sejarah manusia terdapat banyak pendapat-pendapat di lahirkan oleh ahli-ahli fikir, saintis-saintis, failasuf-failasuf, juga daripada seniman-seniman. Terdapat di dalam suasana kesenian yang bercabang-cabang dan di dalam gerakan-gerakan tertentu; bercanggah pendapat di antara satu sama lainnya. Masing-masing membawa 'keakuan' tersendiri.

Sehingga kini pelukis-pelukis Tanahair misalnya ternyata rusing melihat perkembangan alam seni itu dalam menentukan ke arah manakah seni itu akan di bawa. Persoalan mengenai falsafah apakah yang harus diambil kini berlanjutan. masing-masing melahirkan seribu satu macam pandangan hingga ada ketegangan di antara satu sama lain, ini melahirkan keadaan yang menimbulkan kekeliruan dan keraguan yang berterusan.

Freud(1) dalam alam pemikirannya mengambil kesimpulan yang mana seni itu penciptaannya di dorong oleh sex atau asyik berahi dan hidup mengikut kehendak-kehendak 'biology' dan nafsu.

Bagi Failasuf August Comte(2), menyarankan pendapat bahawa kehidupan ini harus di selaraskan dengan dasar MANUSIA dan KEMANUSIAN yang mana usaha untuk hidup ini bagi manusia ialah untuk berkehidupan pentingkan orang lain.

ART is not necessary at all. All that is necessary to make this world a better place to live in, is to love - to love as Christ loved, as Buddha loved.(3)

Immanuel Kant(4), mengalirkan pendapatnya dengan menghendaki manusia itu supaya "MENUNAIKAN KEWAJIPAN".

Dan lagi Goethe pula, katanya: hasil-hasil karya seniman boleh membawa dan memberi kesan moral kepada masyarakat, untuk itu (mendapatkan nilai-nilai moral) dari seniman; perlulah seniman mengeneppikan konsep 'ego' dalam penciptaannya. Ini berarti bertentangan dengan kehendak jiwanya.(5)

Seni adalah kerjasama di antara Tuhan dan seniman, dan dengan mengurangkan hasil usaha penciptaan dari seniman itu adalah lebih baik – ANDRE GIDE (6)

A last Judgement is Necessary because Fools flourish. Nations Flourish under Wise Rulers and are depress'd under foolish Rulers: it is the same with Individuals as Nations: works of Art can only be produc'd in Perfection where the Man is either in Affluence or is Abover the Care of it.(7) – Blake.

Not long ago I happened to visit an Exhibition of Modern pictures. It was held in Pittsburgh and almost every nation was represented. As I looked at those pictures I felt that I could see through them, into the minds of the nations which had created them. I could see nation's psychology was still diseased, so was its art. The traces of neoroses were unmistakable. (8) – Calvin Coolidge. quoted by Beverly Nichols.

Dari banyak pendapat-pendapat di atas itu terdapat perbezaan yang mana masing-masing dengan hasil renungan fikiran dan fahamannya. Di dalam konteks pemikiran seniman-seniman Tanahair, demikian juga menampilkan sikap yang berlainan di antara satu dengan lainnya.

Sastra adalah satu bidang yang penting juga; di Malaysia sastra dijadikan alat untuk membangun kesedaran dan semangat baru yang sesuai dengan cita-cita politik pemerintah sekarang, iaitu RUKUNEGARA, sebagai dasar ekonomi baru.(9)

Ini jelas bahawa karya-karya seniman, sastrawan, penyair-penyairnya telah diberi garis landasan yang mesti dipatuhi. Nampaknya politik telah mengambil alih peranan sastra untuk tujuan-tujuan politik negara. Dan tersekat kebebasan nilai-nilai untuk menonjolkan kebenaran. Kejayaan bergantung pula kepada kepatuhan mereka pada landasan tersebut.

Di lain sudut yang lebih hebat adalah dengan adanya pasaran untuk menampung majallah-majallah porno dan semi-porno. Inilah pengaruh-pengaruh nilai yang di 'expose'kan dari rancangan nafsu seksual. Telah nampak menguasai jiwa masyarakat dewasa ini dengan penuh ghairah tanpa disedari dan memikirkan akibat-akibat dari tindakan-tindakannya.

Dari beberapa segi telah ditinjau, masing-masing dengan pendapat dan penyelesaian tersendiri. Masing-masing 'specialised' dalam bidang-bidang yang disukainya; memerah otak dan perasaan, hingga jarang atau sedikit sekali yang meninjau keluar dari daerah yang sempit kepada daerah yang lebih luas dan bermakna. Itulah konsep kebenaran Ketuhanan!

Di Malaysia lebih kurang sahaja di Barat, hasil-hasil karya tercipta kebanyakannya jelas menampilkan 'carbon-copy' daripada Barat. Sudah tentulah tidak ada pertemuan yang harmoni jika pemikiran-pemikiran yang sedemikian berterusan di negara ini, walaupun negara telah merdeka. Maka perlu sekali konsep yang baik dan selamat. Agar seni itu benar-benar mempunyai nilai-nilai yang indah. Seni yang berdisiplin dan bertanggungjawab menuju matlamat kemuncak Ketuhanan berdasarkan tinjauan kepada Al-Quran dan Hadis.

SENI DAN MASYARAKAT

Perasaan seni sentiasa ada dalam diri tiap-tiap manusia. Cuma bagi tiap-tiap individu itu terdapat sedikit dan banyaknya perasaan itu di antara satu dengan lain. Manusia zaman primitif mengikut sejarahnya melahirkan hasil ciptaan untuk beberapa tujuan dan kegunaan. Mengikut sumber-sumber yang didapati, seni menjadi satu ciri tertentu untuk perhubungan. Ini dilakukan oleh satu-satu kaum atau puak yang tertentu. Menjadikan hasil seni pada ketika itu penting dalam hidup mereka, walaupun cuma lakaran-lakaran 'simple' bagi berhubungan dengan kuasa ghaib.

Di tanju dari sejarah perkembangan hidup manusia itu, beredar dari lebih kurang 600,000 S.M. manusia telah pandai menyalakan api dan menggunakan alat-alat serta perhiasan-perhiasan. Berburu dengan senjata dan tidak ketinggalan meminta pertolongan kuasa ghaib atau ruh-ruh dalam hal-hal kehidupan hari-hari mereka.

Dari 40,000-12,500 S.M., kehidupan manusia telah agak cerdik, pandai menggunakan senjata dan perangkap sebagai jerat untuk binatang-binatang. Demikian juga halnya tentang pemujaan-pemujaan, menggunakan simbol-simbol dengan harapan pertolongan dari benda-benda yang mereka percayai berkuasa ke atas mereka. Seterusnya ini berkembang dari satu zaman ke satu zaman hingga kini. Misalnya apa yang terjadi dalam tamaddun-tamaddun Cina, Greek, Mesir, Rome, Sumeria, India dan Eropah. Tiap-tiap ini mempunyai unsur pengaruh yang kuat dan tersendiri kepada manusia ketika itu. Demikian juga dengan tamaddun Islam yang ditegakkan oleh Rasulullah s.a.w. hingga berterusan hingga sekarang.

Masyarakat kini sedar tentang pergolakan kehidupan kini mengikut pandangan masing-masing, yang lebih jelas kelihatan ialah aspek materialisma, sosialisma dan kominisma.

Aspek kesenian yang mana para seniman terlibat sebagai gulungan yang bertanggungjawab juga dengan pergolakan ini, perlu memainkan peranan memberi jalan keluar yang selamat bagi masyarakat seluruhnya. Bukan menambah kerosakan dan kekeliruan dalam suasana kepincangan ini. Kelemahan-kelemahan ini akan berlanjutan jika tiada inisiatif dari gulungan seniman untuk bangkit bergerak dalam matlamat yang sama. Slogan-slogan 'seni untuk seni', 'seni untuk masyarakat' dan lain-lain seperti ini menimbulkan lagi kerosakan. Merosak jiwa manusia, kerana seni yang terbawa arus nafsu, besar implikasi keburukannya.

Seniman-seniman secara tidak langsung setengahnya menimbulkan pelacuran kebudayaan: memesong fikiran daripada sikap yang positif dalam masyarakat. Contohnya iklan-iklan yang kini kebanyakannya membawa masyarakat menjadi mangsa 'Consumer Culture', mengalih pandangan dari issue-issue yang benar dan pokok seperti kemiskinan, penindasan, keimanan, moral dan sebagainya.

DEFINISI SENI, SENIMAN & KONSEP SENI DALAM ISLAM

Seni merupakan satu manifestasi pemikiran, perasaan, material, atau bahan-bahan lahir dan lain-lain secara tersendiri dari seniman. Penciptaan seniman itu dari media-media yang tertentu. Lahirnya satu-satu ciptaan itu adalah dari idea-idea seniman bergantung di atas kemampuan imiginasi pengetahuan dan tenaga Pelukis, Penyair, Sastrawan dan sebagainya.

Dalam artikata yang lain, seni itu ialah ART;

ART, in its most basic meaning, signifies a skill or ability. This definition holds true for its Latin antecedent, ars.

One who has acquired a skill may be designated an artisan or artist according to whether his abilities are directed principally toward a utilitarian or an aesthetic purpose.

The fine arts on the other hand are those that are cultivated more for their own sake and for the intrinsic pleasure they afford the minds and emotions of those who experience them.

The term fine arts, in any rational view, however must be broadened to include any aesthetically directed expression in visual, verbal or auditory images and symbols. The fine arts thus would include architecture, sculpture, painting and the related visual, plastic, and graphic arts, literature in its various poetic, prosaic, and dramatic forms, as well as the dance and music. (1)

Seni adalah satu cabang estetika yang mana ciptaan-ciptaan itu dapat menimbulkan 'sensation' kepada penglihatan, pendengaran yang tertentu tersalur untuk dinikmati oleh masyarakat atau seniman itu sendiri. Antara lain kenapa seniman mencipta adalah oleh kerana jiwanya yang mendorongnya dan mendapat kepuasan dari itu atau untuk menghiburkan hatinya, menghabiskan masanya sebagai satu hobi, atau juga sebagai mata pencarian dan ada juga melahirkan karya-karya untuk mencari keredhaan Tuhan.

Dari kehidupan kanak-kanak lagi sudah nampak unsur-unsur seni tumbuh di jiwanya. Bakat seni ini dapat bercambah dengan didekan dan pimpinan yang baik. Secara tidak langsung juga alam sekitar mempengaruhi jiwa anak-anak tadi. Dari satu peringkat ke satu peringkat perubahan cara dan media di gunakan. Angan-angan timbul mengambil sesuatu motif tertentu yang menarik hatinya, supaya dengan itu dapat melahirkan atau membuat sesuatu daripadanya. Hinggalah ke-peringkat dewasa.

Jadi manusia seniman itu ialah manusia yang mempunyai perasaan yang seni, mempunyai perasaan dan cara berfikir lain dari yang lain. Lain yang dilihat orang, lain pula yang dilihatnya. Ia akan kagum melihat matahari ketika terbit dan waktu terbenam, mendengar desiran ombak memukul pantai, gesiran ombak di tasik, gesiran daun-daun di tiup angin gunung-gunung yang menghijau dengan rimba atau melihat bunga-bunga yang kembang mekar. (2)

Perasaan pula boleh dibahagikan kepada dua; perasaan halus dan perasaan kasar. Perasaan kasar ialah yang terdapat pada pancaindera seperti adanya rasa panas, dingin, sakit, lelah, kuat dan lain-lain. Perasaan halus ialah timbul dari kesedaran hati untuk menimbang keadaan buruk baiknya, benar atau tidak. Perasaan halus itu ialah kesedaran hati timbul dari akal yang sejahtera. Maka sifat belas kasihan, sopan santun, gembira, dan lain-lain tabiat kemanusiaan itu dinamakan perasaan halus. (3)

Manusia primitif maupun manusia sekarang dilahirkan ada perasaan pemikiran dan kemahuannya masing-masing dan inilah tiga sudut yang sememangnya sudah semula jadi kepada manusia. Tetapi ketiga-tiga segi ini tidaklah samadanya pada seseorang itu. Ada yang perasaannya melebihi dari akalnya; ada pula orang yang kemahuannya melebihi pemikiran dan perasaannya. Inilah anugerah dari Tuhan kepada manusia.

Bagi manusia yang mempunyai daya rasa yang lebih kemungkinan menjadi ahli seni atau seniman. Dengan mempunyai rasa halus manusia itu boleh melahirkan keinginannya untuk mencipta. Kerana dari jiwa itu tersemat perasaan-perasaan terharu, kagum, takjub, indah dan sebagainya. Seni itu pula dapat dibahagikan kepada beberapa bidang yang tertentu.

Sebagainya contohnya yang paling kecil itulah UCAPAN BIASA. Dan lainnya,

SENILUKIS, SENIUKIR, SENIMUZIK, SENIDRAMA, SENIFOTO, SENIGRAFIK, SENIBINA, SENICATAN,
SENI PERUSAHAAN, SENITARI, SENI PIDATO, SENI SILAT, SENI FESYEN, SENI SYAIR (PUI SI &
PROSA), SASTRA, DAN SENI SUCI (sacred art)

Di dalam bidang seni yang tersebut di atas Islam telah menetapkan garis panduan supaya seni itu dapat memberi fungsi yang wajar.

Di tinjau kepada bidang seni muzik:

MUSIC is the expression of the aspirations, emotions and affections of man through the medium of sound. It is a highly symbolic art. It also serves as an outlet to our religious emotions.

Music may be divided into two categories: vocal music and instrumental music. As far as vocal music is concerned, we have no hesitation in saying that subject to the general moral qualifications, it is in itself quite permissible. For singing is nothing but a very delicately balanced combination of sweet sound, lilt, harmony and melody, and all these elements are not only permissible and tolerable, but desirable and praiseworthy.

Instrumental music: The instruments which are delicate and complex in their sounds and shapes usually have the power of evoking in men and women sexual passions and they are looked upon by Islam with strong disapproval. It is of these that the Prophet said,

'ALLAH HAS COMMANDED ME TO DESTROY THE LUTE AND GUITAR' (4)

Walaubagaimanapun di akhir-akhir ini untuk membuat suatu penentuan di atas perkembangan seni musik dan nyanyian amat berat sekali mengikut garis-garis Islam yang maha suci. Kerana mengikut garis-garis Islam dan kaca mata muslim tentang seni muzik dan seni suara baik di negara mana sekali pun hari ini adalah meragukan. Manakala yang membawa kegembiraan hingga melalaikan ingatan kepada Allah dan sebagainya tak boleh dinafikan lagi hukumnya haram. (5)

Pengaruh seni muzik dan seni suara merebak di ceruk rantau tanahair. Dari pengaruh-pengaruh ini banyak kelihatan keruntuhan nilai-nilai moral dan akhlak yang melampaui batas keislaman, sejak akhir-akhir ini. Ini ternyata kepada angkatan muda yang telah jauh meninggalkan suasana Islam yang benar. Muzik-muzik liar ini boleh merupakan satu 'jenayah' secara halus kepada pemikiran dan emosi manusia. Dalam keadaan yang khayal dan tidak tentu arah tujuan belumlah boleh dikatakan satu perkara baik dan berkemajuan. Walaubagaimanapun perkara seperti ini memerlukan perhatian yang serius dan teliti.

Setiap bangsa mempunyai kesusterannya masing-masing bagi memperlihatkan identiti bangsa itu. Bidang sastra ini di fahami boleh membawa masyarakat ke arah matalamat yang tertentu. Dan masyarakat amat memerlukan juga untuk bahan renungannya. Tanahair mempunyai berbagai ragam cara sambutan terhadap sastra. Persoalan yang ingin di sentuh adalah berkenaan Konsep sastra Islam.

Konsep sastra yang biasa kita fahami, dengan konsep sastra di dalam Islam ada perbezaan. Pertamanya, segi DEFINASI. Dan keduanya dari segi PEMBAHAGIAN nya.

Sastra dalam bahasa Islam (Arab) ialah adab, mengikut Shauqi Dhaif, penulis sastra Arab yang berpengaruh, Adab atau Sastra ialah apa juga hasil tulisan yang dapat membentuk kearah kesempurnaan kemanusiaan, yang terkandung dalam ciri-ciri estetika dan kebenaran. Yang berbeda dengan literature atau sastra Melayu misalnya yang mempersoalkan hasil tulisan yang indah. Di sini sastra Islam (Al-Adab), memperlihatkan pengertian yang menuju kepada matalamat dan tujuannya.

Ini menuju kepada masyarakat, yang mana perlu pihak seniman memainkan peranannya. Menarik minat masyarakat ke arah kebenaran dan kesejahteraan seluruhnya. (6)

Dalam hal yang kedua, segi pembahagian:

Di dalam sastra Melayu kita menemukan prosa dan puisi; novel, cerpen, dan drama misalnya di kategorikan sebagai prosa. Manakala sajak, syair, gurindam, pantun dan lain-lainnya di sebut sebagai puisi. Prosa dan Puisi (Prose dan Poetry) ini wujud juga dalam sastra Islam yang di sebut, Nathar dan Syikri

Dengan kedatangan Islam dengan Al-Quran sebagai panduan hidup yang mana Al-Quran bukan puisi, juga bukan prosa. Dalam pembahagian ini dapat di lihat bahawa cabang-cabang prosa sastra Islam tidak sama dengan cabang prosa Barat. Sastra Islam itu merangkumi novel, cerpen, drama, pidato (alkhitab) dan surat-menyurat (alrisalah).

Mengikuti buku-buku sastra Barat - oleh Rene Welleck dan David Daiches sebagai contoh tiada langsung di sentuh perkara-perkara pidato dan surat-menyurat. Mereka menganggap yang tersebut itu bukan hasil sastra. Tetapi bahagian ini sungguh penting sekali dizaman Nabi Muhammad s.a.w. dan Zaman Khulafak-Rashidin.

Menurut pengkaji sastra islam, ada tujuan yang besar kenapa Barat tidak memasukkan pidato dan surat-menyurat ke dalam bentuk prosa. Pertama semata-mata hendak menyempitkan 'the concepts of literature' di samping ada hal-hal

hendak mengeneppikan unsur-unsur sastra yang ada di dalam Islam, yang sebenarnya ada hubungannya dengan penge-nepian mereka akan Al-Quran. Kedua, kerana pidato dan surat-menyurat itu, tidak mempunyai komponen-komponan yang sama yang di perlukan di dalam prosa seperti thema, plot, stail, jurusan pandangan dan setting. Ketiga, sebab sejarah pertumbuhan kesusteraan Barat itu sendiri di mana tidak wujud tradisi berpidato di dalam masyarakat mereka. Kita lihat pula di Malaysia keadaan itu juga sama menjelaskan pengaruh Barat itu menjelma dalam sastra Malaysia. Dan timbullah perasaan canggung jika seni sastra itu di masukkan juga.

Dari sudut yang lain pula timbul perpisahan antara sastra dan Islam. Inilah yang mengelirukan. Apabila di bicarakan tentang Islam (Quran) itu adalah ugama. Seolah-olah Al-Quran itu langsung terpisah dari bidang sastra. Sehingga kini Orientalis-Orientalis ini berjaya menuduh bahawa Islam menolak seni sastra dan lain-lain kesenian. Islam di perkatakan membenci sastra, arca-arca dan lain-lain sapertinya. Demikianlah mereka (musuh-musuh) Islam mengelirukan masyarakat dengan kekuatan mental dan fizikal mengecam Islam. Dalil-dalil dari ayat Al-Quran dan Hadith di peralatkan. Orang Islam yang tidak faham tentang kedudukan Hadis dan Quran itu pun percaya, bahkan kepada sastrawan-sastrawan yang kurang pendidikan keagamaannya membuat pandangan yang Islam membenci para-para sastrawan dan seniman.

Di fikirkan masaalah ini memerlukan penjelasan dari mereka yang ahli. Agar suasana kekeruhan ini dapat di ambil satu kebenaran daripadanya.(7)

Konsep seni dalam Islam adalah mudah setelah mengetahui dan mendalami Islam dalam artikata agama, dan bagi peng-anutnya yang mengamalkan dan melaksanakan nilai-nilai ajarannya menjelmakan nilai Islam itu ke dalam hasil ciptaannya dan peribadinya. Ini dengan sendirinya memberi arti yang langsung bahawa konsep seni itu sebagaimana juga Islam; yang mana nilai seni Muslim itu sejajar dengan Agama itu.

Perkara yang menjadikan dasar hidup para Ahli Seni adalah CINTA. Cinta adalah satu yang mulia, suci dan Indah. Ianya adalah merupakan satu nikmat dan mengambil peranan yang utama dalam penciptaan satu hasil seni. Cinta mempunyai daya yang istimewa, tanpa cinta manusia mengalami hidup yang beku dan kering.

'Seni tidak ada kalau cinta tidak ada. Apa sebabnya ada keindahan? sebab ada cinta,' demikian Hamka.

Cinta penting dalam hidup, dan perasaan cinta inilah yang mendorong maju kemedan perjuangan hidup yang penuh ke-pahitan dan kesulitan itu. Inilah cinta cinta budi. Cinta untuk cita-cita yang murni. Cinta yang di pupuk oleh mereka-mereka yang berjiwa besar.(8)

Cinta bukan satu permainan guna mengisi kekosongan jiwa, tetapi untuk mengisi keperluan hidup menuju cita-cita. Bukan cinta atau kasih sayang antara seorang jejaka terhadap seorang gadis. Ini cinta kasih sayang yang ditimbulkan oleh per-gaulan berahi. Mereka ini hanya bercinta tetapi tidak bercita-cita.(9)

Seniman yang tulin tidak akan tunduk kepada pertukaran kebendaan. Seniman tidak akan menjadi hamba kebendaan dan seniman tidak menjual ilmunya untuk kepentingan diri dan kemewahan. Kadang-kadang mereka tidak menghiraukan langsung tentang diri dan rumah-tangganya. Kadang-kadang hidup ganjil tersisih dari masyarakat. Dia melahirkan kata-kata dan daya fikiran yang bernilai, bernas, tajam, yang sering menjadi bincangan dan menjadi lambang zamannya serta menjadi kemegahan bangsanya. Kalau dia berkhayal, maka khayalannya itu indah sekali. Ia sentiasa memberi jiwa baru, memberi nafas baru, dan mengolah semua dengan lebih indah.(10)

Di sini di turunkan contoh Seniman Agung-Pujangga-Penyair Islam iaitu Dr. Muhammad Iqbal. Beliau banyak menghasilkan karya-karya, bahan-bahan fikiran yang bertenaga untuk pergerakan ummat. Seniman yang mendapat ilham dari bisikan hati, hati yang penuh kecintaan kepada khaliqnya, diri dan sesama manusia serta watannya. Kehalusan perasaan dari dirinya memberi kesanggupan bagi jiwanya untuk membawa maksud secara halus pula hingga lahir keseniannya yang agung.

Perkara yang pertama berkenaan dengan syair-syair Iqbal ialah bahawa ia menentang dengan kerasnya konsep 'Seni kerana Seni'.

Menurut Iqbal tujuan segala seni ialah memberi panduan kepada manusia. Dalam peringkat-peringkat penciptaan karya-nya:

Ia bermula dengan berkata-kata fasal dirinya sendiri, fasal kasih sayang, fasal kedukaannya dan fasal keseorangannya. Kemudian ia beralih kepada umat Islam di India dan kemudian pula kepada Millat-i-Islam. Daripada Millat-i-Islam meng-alih pula kepada manusia dan daripada manusia kepada alam.....(11)

Dari sumber-sumber di atas dapat kita tegakkan bahawa Islam sama sekali tidak terpisah dengan bidang seni. Islam bahkan memberi fungsi kepada seni. Panduan-panduan yang dimeterikan oleh Islam itu merupakan satu tiori yang ber-faedah untuk seluruh umat manusia. Lebih-lebih lagi umat Islam yang mahu mengikutinya bagi menegakkan keadilan. Dan juga bagi seniman itu berjuang, berperaturan dalam tindakannya. Memandangkan inilah, selaras dengan cita-cita Islam itu Tuhan membentuk ajarannya kepada larangan dan anjuran dan juga kewajipan. Tentunya untuk kesejahteraan rohani dan jasmani umat itu sendiri. Dengan itu dapat menimbulkan satu kebudayaan yang suci-murni dan indah.

Kerana, Kebudayaan Islam itu tidak menimbulkan agama, tetapi Islam itu muncul dengan sejahteranya menimbulkan kebudayaan. Dan Islam itu membawa faham agama yang merupakan kemuncak segala kemurnian faham keagamaan dalam segarah insan.(12)

Kita tahu, agama (Islam) adalah satu prinsip hidup. Ia dapat dikatakan satu keperluan hidup itu sendiri. Dan kita tahu bahawa kesusteraan adalah gambaran-gambaran tentang hidup; sebagai gambaran ia merupakan keperluan kehidupan itu sendiri.(13)

Dari itu antara Ugama dan Seni ada pertaliannya. Keperluan seni itu bukan merosakkan kehidupan itu sendiri, dan agama pula keperluan bagi membimbing dengan panduan-panduan ke arah mana seni itu harus di bawa.

PENUTUP

Apa yang kita saksikan di bidang kesenian sekarang ialah kekeliruan dari beberapa aspek tertentu. Dan dalam persoalan ini telah terlalu banyak lari dari garis kebenaran Islam. Kekeliruan ini bukan sahaja dari segi penciptaan bahkan peribadi yang ditunjuk oleh setengah-setengah seniman juga.

Beberapa faktor yang menyentuh persoalan ini, kemungkinan kurang fahamnya setengah-setengah seniman dan mereka-mereka yang berkecimpung di dalam bidang ini mengenai ugama Islam. Tambahan pula seni telah dikaburi pengertiannya dalam pelbagai bentuk dan corak. Dari faktor-faktor sejarah dan keadaan alam sekeliling; secara tidak langsung mengu-rangkan pandangan seniman-seniman kepada nilai-nilai Islam itu. Lebih-lebih lagi timbul serangan intelektual dari diri jika menghayati hidup secara Islam.

Antara itu, Malaysia sebagai perhatian sebuah negara 'multi-racial' dan mengambil Islam pula sebagai ugama resmio tetapi oleh unsur-unsur 'Syncretism'(1) yang timbul dalam masyarakat; Islam terpendam dibawa arus Materialisma, Paganisma, Hinduisma, dan Budisma.

Kekeliruan berkenaan ini juga melahirkan berbgai-bagai fahaman, pendapat dan arah-tujuan daripada seniman-seniman antaranya, timbul semangat 'Seni kerana Seni', 'Seni untuk Masyarakat' dan lain-lain dengan slogan yang tertentu. Jika pun ada yang dikatakan keislaman itulah Seni Khat.

Islam walaubagaimanapun tetap meletakkan larangan-larangannya dan terus menganjur kepada kebaikan. Ini semua untuk kehidupan yang sejahtera kini dan hari kemudian. Ciri-ciri keruntuhan tersebut tidak mungkin timbul andaikata seni itu mempunyai landasan nilai-nilai 'moral', 'spiritual' dan 'aesthetic' tuntunan Tuhan. Nalai-nilai ini bukan penciptaan manusia tetapi berteraskan kepada wahayu. Sudah tentunya membawa kepada kebenaran untuk semua-semua. Peng-ertian seni yang patut menjadi tapak panduan seniman adalah perlu dari sumber kebenaran ini kerana daripada yang lainnya tidak kukuh dan kuat konsep berdirinya. Misalnya di dalam arena kesenian barat perhitungannya sentiasa berubah-ubah daripada satu konsep kepada satu konsep yang lain. Mereka dalam proses mencari, mengkaji, mengeksperimen bagi satu ketetapan yang digelar REALITI, KEBENARAN, MODEN dan lain unsur PEMBAHARUAN.

Begitulah bentuknya, sentiasa dalam proses berubah dan berkisar hingga banyak membawa unsur-unsur yang negatif. Walaupun pada perkara ini satu 'Kemodenan', cuma bentuknya saja baru tetapi sifatnya tetap tidak ada 'kemodenannya'.

Setakat ini pengertian yang menarik minat saya untuk menyelesaikan masalah kekeliruan yang terdapat kini adalah kepada falsafah yang dibawa oleh Iqbal dan Muhammad Qutb.

Iqbal membawa mesejnya dan berjaya. Kita dapati 'Iqbal menentang dengan kerasnya konsep "seni kerana seni"'. Menurut Iqbal tujuan segala seni ialah memberikan panduan kepada masyarakat (manusia). Seninya yang terbentuk oleh keinginan memperkayakan jiwa manusia'. (3)

Pengertian seni yang dibuat oleh Muhammad Qutb juga hampir sama dengan Iqbal. Dalam bukunya "Min haj El Fan El Islamy" yang mengatakan 'Seni Islam ialah seni yang melukiskan gambaran-gambaran kehidupan dari konsep keislaman terhadap ujud. Ia adalah pernyataan yang positif tentang ujud, kejadian, kehidupan, dan manusia dari sudut konsep atau pandangan Islam sendiri terhadap kejadian, kehidupan dan manusia itu'.

Menurut beliau lagi, seni yang demikian dapat membawa kepada pertemuan yang harmoni atau penyatuan antara keindahan dan kebenaran. Kerana keindahan adalah hakikat setiap keadaan dan ujud. Dan kebenaran adalah puncak keindahan itu. Dengan sendirinya kebenaran dan keindahan bertemu di kemuncak pertemuan setiap hakikat ujud. (4)

Dari dua hakikat: keindahan dan kebenaran ini akan menimbulkan nilai-nilai kesenian yang adil berdasarkan sumber Al-Quran dan Hadis untuk dipersembahkan kepada masyarakat. Dan ciptaan itu nanti tidak dari keadaan yang meraba-raba tetapi berdasarkan falsafah yang bebas daripada kekeliruan, kekeruhan, dan kejelikan. Timbullah satu suasana memelihara keperibadian, insaf, berdisiplin dari konsep seni seorang Muslim.

Bahan-bahan rujukan

Muka Surat 4

- (1) FREUD SIGMUND (1856-1939) – doktor jiwa bangsa Yahudi Austria, pendasar ajaran moden tentang lapisan jiwa yang tak disedari (Psycoanalisa).
Karangan-karangan Freud yang terpenting – Die Traum deutung.
– Psychopathologie des All taglebens.
– Ueber Psychoanalyse.
- (2) COMTE (1798-1857), ahli falsafah Perancis.
- (3) ISADORA DUNCAN - *SENY* adalah tidak penting sama sekali, cuma yang perlu adalah membuatkan dunia ini tempat yang indah-sejahtera dalam kecintaan dan menyintai, seperti cintanya JESUS, seperti cintanya BUDHA. Terjemahan dari – THE GREAT QUOTATIONS.
– George Seldes.
Pocket Book, New York,
Nov. 1972. muka surat 47.
- (4) IMMANUEL KANT (1724-1804)
ahli falsafah bangsa Jerman yang sampai kini besar pengaruhnya dipelbagai lapangan. Menulis beberapa buku tentang Agama. Antaranya,
Uber das Miszliagen aller Metaphysischen,
Versuche in der Theo dizee (1971) dan
Religion innerhalb der Grenzen der blossen Vernunft.
- (5) GOETHE (1749-1832) ahli fikir-penyair Jerman yang ulong.
Karangannya – Die Laune der Verliebten,
– Oden an Behrisch
– Der Wanderer.
- (6) ANDRE GIDE (1869-1951) Pengarang Perancis. Karyanya:
L'immoraliste
La porte etroite.
Terjemahan dari – THE GREAT QUOTATIONS.
George Seldes. Pocket Books. New York. Nov. 72' muka surat 48. *ART is a collaboration between God and the artist and the less the artist does the better.*
- (7) BLAKE (1757-1827) Penyair Inggeris dan Pengukir. Hasil karya:
Songs of Innocence, Songs of Experience. Ibid, muka surat 47.
- (8) CALVIN COOLIDGE – Ibid.
- (9) SASTRA MALAYSIA DEWASA INI. Sastrawan Indonesia menyorot sekilas: Oleh ENDY SOEWARN (Antara) Mingguan Malaysia, 2hb. Disember 1973.

Muka Surat 6,7,8,9

- (1) ENCYCLOPAEDIA BRITINICA. Vol: 2 1973. Muka surat 483
- (2) MOHD. ZAIN – Sedikit tentang seni, Utusan Kiblat, Mach 1974.
- (3) Ibid.
- (4) MANZOOR AHMAD HANIFI – A survey of Muslim Institutions and Culture. Dicitak Nov. 1969, Lahor (Pakistan). Sh. Muhammad Ashraf. Muka surat 210.
- (5) WAN MAHMUD ISMAIL – Seni untuk dakwah, Majallah Al-Islam. Bil. 10, 15 Oktober '75 muka surat 32.
- (6) MANASIKANA – Fokar terhadap sastra Islagn.
Berita Harian, Jumaat 19hb. September '75. Muka surat 9.
- (7) Ibid
- (8) MOHD. ZAIN, Sedikit tentang seni, Majallah Qiblat Mac 1974.
- (9) Ibid.
- (10) Ibid.
- (11) TUAN SAJJAD HYDER – Iqbal dan falsafahnya, Lembaga Alam Islam, Nov/Dis. 1968. Muka surat 23, 24.
- (12) DR. SYED MUHAMMAD NAGUIB AL-ATTAS – Islam dan Kebudayaan Malaysia. Dipetik dari nsalah, Latehan Kepimpinan Siswa/i KSITM 74/75.
- (13) BADARUDDIN H.O. – Siapa seniman Muslim? Majallah Al-Islam. Feb. 1974.

Muka Surat 9,10

- (1) SYED MUHAMMAD NAGUIB AL-ATTAS – Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu. Universiti Kebangsaan, K. Lumpur. 1972, muka surat 16.
Syncretism adalah faham campuran di antara kepercayaan tahyul, animisma, purba, Hindu, Budis, dan Faham agama yang lahir.
- (2) VICTOR COUSIN – Lecture, Sorbonne 1818 (*L'art pour L'art*).
- (3) TUAN SAJJAD HYDER – Iqbal dan falsafahnya, Lembaga Alam Islam, Nov/Dis. 1968. Muka surat 23
- (4) BADARUDDIN H.O. – Siapa seniman Muslim? Sastra Al-Islam. Feb. '74 muka surat 33.

The school, the teacher and the teaching alike, are simply a clarifying medium, through which the facts of human life and the physical world are brought within the measure of the child's mind at successive stages of growth and understanding. – Susan Isaacs, [Intellectual Growth of Young Children]